

BERITA HARIAN 27/10/2016



Peserta melakukan penyelidikan dengan teliti sepanjang program.

## Ekspedisi saintifik di Lata Berangin

**Besut:** Seramai 90 warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menyertai Ekspedisi Saintifik Pacuan Empat Roda Siri II (ESPER II) selama empat hari di Lata Berangin, Hulu Keruak di sini.

Mereka yang terdiri daripada penyelidik dan pelajar menyertai program anjuran Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) UniSZA itu sebagai antara usaha memastikan kelestarian alam sekitar.

Pengarah ESERI, Prof Madya Dr Hafizan Juhair berkata penganjuran ESPER II diharap dapat membantu pemindahan ilmu berhubung kese- daran dan penjagaan alam sekitar kepada peserta dan penduduk

setempat melalui pengumpulan data penyelidikan sepanjang program berlangsung.

### Kategori penyelidikan

“Kami menganjurkan ESPER II bagi memperkuuh pengetahuan saintifik mengenai kawasan sekitar Lata Berangin,” katanya.

Beliau berkata, lokasi itu dipilih berikutkan kewujudan hutan simpan yang sesuai untuk tujuan penyelidikan antara lain kerana belum diterokai dan dikelilingi pokok herba mengandungi pelbagai khasiat.

Pada program itu, peserta dibahagikan kepada beberapa kategori penyelidikan seperti flora dan fauna, hidrologi serta kualiti air.



Sebahagian warga UniSZA yang menyertai ESPER II di Lata Berangin.